

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK MADIUS TANGAU
(TUARAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.05.2015

Y.B. DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah penguatkuasaan yang telah diambil untuk menangani mereka yang menyalahgunakan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) di Sabah, serta usaha-usaha yang dibuat agar sistem cukai yang baru itu mencapai sasaran yang sewajarnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat tiga jenis operasi GST

yang dijalankan di Sabah untuk menangani mereka yang menyalahgunakan pelaksanaan GST, iaitu:

1. **OPS Catut GST bersama KPDNKK** yang beroperasi pada 1 hingga 15 April untuk memastikan peniaga mematuhi peraturan yang ditetapkan. Dalam Operasi OPS Catut ini, tindakan yang diambil adalah menjurus kepada khidmat nasihat.
2. **OPS GST (Melindungi Rakyat)**. Operasi melindungi rakyat ini diadakan dengan tujuan agar perundangan GST ini berjalan lancar dan mudah dipatuhi oleh peniaga demi kebaikan bersama antara pengguna dengan peniaga untuk mencapai wawasan menuju negara maju. Operasi ini telah pun bermula pada 12 Mei 2015 yang lalu.
3. **Operasi “MYSTERY Shopping”** telah dijalankan untuk memastikan peniaga mematuhi perundangan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan seterusnya mengambil tindakan ke atas ketidakpatuhan (non-compliance) dan Fraud GST. Operasi ini telah bermula pada 1 Mei 2015 dan sehingga tempoh yang dimaklumkan kelak. Tindakan akan diambil ke atas peniaga yang ingkar selaras dengan peruntukan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Bagi memastikan tahap pematuhan ini meningkat, Kerajaan akan

terus melaksanakan pelbagai program kesedaran dan latihan GST kepada semua lapisan masyarakat termasuk peniaga bagi meningkatkan kefahaman yang tepat mengenai GST. Kerajaan melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) juga akan terus melaksanakan program *Hand Holding* kepada syarikat-syarikat yang telah mendaftar GST bagi memudahkan pemahaman yang terperinci mengenai pelaksanaan GST. Sehingga 30 April 2015, sebanyak 468 program *Hand Holding* telah diadakan dengan penyertaan lebih daripada 50,000 orang dari pelbagai sektor perniagaan.

Selain itu, JKDM juga telah menubuhkan *GST Helpdesk* di seluruh negara bagi membantu dan membimbing peniaga dalam menguruskan sistem GST. JKDM turut memuat naik video panduan membuat pembayaran GST dan panduan mengemukakan penyata GST di portal *gst.customs.gov.my* bagi memudahkan peniaga membuat tuntutan atau pembayaran GST.